

KUNJUNGAN HORMAT PANGLIMA TENTERA UDARA KE ATAS KETUA MENTERI SARAWAK

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3262-kunjungan-hormat-panglima-tentera-udara-ke-atas-ketua-menteri-sarawak

KUCHING, 2 Apr 18 - Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah membuat kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi (DR) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg bertempat di pejabat rasmi beliau di Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak. Turut mengiringi Panglima Tentera Udara semasa kunjungan hormat tersebut adalah Komander Pangkalan Udara Kuching, Kol Yee Yit Hong TUDM dan delegasi TUDM yang lain.

